

35. MENGAJAI SEMULA PROSEDUR-PROSEDUR YANG ADA SEKARANG INI BERHUBUNG DENGAN RUMAH-RUMAH YANG DIBINA TANPA KELULUSAN MAJLIS (JB. 965A)

Diluluskan dengan pindaan seperti berikut :-

- (a) Sebaik-baik sahaja bangunan/binaan haram didapati, notis dikeluarkan dengan segera. Di masa yang sama, gambarfoto dengan tarikh hendaklah diambil tentang bangunan/binaan haram itu yang menunjukkan peringkat pembinaan bangunan/struktur itu.
- (b) Pemilik tanah & bangunan kemudiannya diberi surat yang menghendaki mereka jangan meneruskan kerja-kerja selanjutnya. Jika mereka berbuat demikian, bangunan-bangunan atau kerja-kerja haram tambahan itu akan dirobohkan tidak kira sama ada pelan dan/atau permohonan telah atau akan dikemukakan. Majlis kenalah tegas mengenai ini. Jika tidak, amaran ini lama kelamaannya tidak ada gunanya. Dalam surat yang sama, pemilik-pemilik bolehlah diberitahu bahawa mereka boleh mengemukakan pelan dan/atau permohonan untuk pertimbangan tetapi pemberitahu ini mestilah jangan dianggap untuk bermaksud bahawa apa yang dikemukakan akan diluluskan.
- (c) Jika pemilik-pemilik memberitahu bahawa mereka ingin mengemukakan pelan-pelan untuk mengekalkan bangunan-bangunan atau tambahan-tambahan haram, mereka adalah diberi tempoh satu bulan dari tarikh Notis-notis luput untuk mengemukakan pelan-pelan mereka. Rayuan untuk masa yang lebih akan dilayan dan tempoh maksima akan diputuskan oleh Jabatan Bangunan.
- (d) Selagi pelan/permohonan tidak diluluskan, kerja-kerja tidak boleh dibenar dimulakan.
- (e) Jika pelan/permohonan diluluskan lama-kelamaannya, baki kerja boleh disiapkan tetapi jika pelan/permohonan tidak diluluskan, maka bahagian-bahagian bangunan/binaan yang telah dijalankan mestilah dirobohkan.
- (f) Pelan-pelan untuk bangunan-bangunan baru akan pembinaan semula seluruh bangunan tanpa keizinan pemilik tanah tidak akan diterima. Walau bagaimanapun, pelan untuk pindaan kecil yang tidak merupakan "pembinaan sebuah bangunan" boleh diterima tanpa keizinan pemilik tanah.
- (g) Bayaran tegahan akan hanya dikenakan ke atas pelan di mana pengecualian dipohonkan.
- (h) Di dalam prosedur baru ini, semua kes akan dirujuk kepada Mahkamah samada pelan bangunan boleh diluluskan untuk tidak. Tetapi kalau pelan itu diluluskan sebelum perbicaraan Mahkamah, maka Majlis tidak akan meminta penghukuman berat di atas kesalahan ini.
- (i) Prosedur baru yang tersebut di atas tidak akan menahan Datuk Yang Dipertua atau Majlis daripada memberi arahan supaya binaan/kerja pembinaan haram dirobohkan sekiranya beliau menganggap perlu untuk berbuat demikian demi kepentingan awam.
- (j) Prosedur tersebut akan dikuatkuasakan mulai dari 1.1.1989.

(Diluluskan pada 21.11.88)